

Bolot dua emas



20th ASEAN UNIVERSITY GAMES 2022
Ubonratchathani Thailand
Games for Sustainability

**MUHAMMAD ZULKARNAIN
MOHD AZMAN**

Skuad badminton negara tampil bergaya apabila membolot dua pingat emas acara berpasukan lelaki dan wanita Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022 pada Khamis.

Dalam aksi final di Dewan Badminton Universiti Ubon Ratchathani Rajabhat, Thailand itu, skuad lelaki negara terlebih dulu menyumbang pingat emas apabila menewaskan Indonesia 3-0.

Perseorangan lelaki pertama negara, Ng Jun Yan menghadiahkan mata pertama selepas menewaskan pemain Indonesia, Muhammad Febriansyah straight set 21-14, 21-4.

Momentum kemenangan itu diteruskan perseorangan negara, Tai Chuan Zhe yang tidak mempunyai masalah untuk menewaskan Muhammad Rafi Zafran Ferary 21-18, 21-10.

Mata kemenangan Malaysia diraih Faiz Rozain yang turun dalam aksi ketiga selepas menewaskan Muhammad Nendi Novatino 21-16, 11-1 selepas pemain Indonesia itu



Jun Yan ketika beraksi dalam acara berpasukan lelaki AUG 2022 di Dewan Badminton Universiti Ubon Ratchathani Rajabhat pada Khamis.

terpaksa menarik diri akibat kecederaan.

Bagi acara berpasukan wanita pula, skuad negara bangkit daripada ketinggalan untuk memenangi perlawanan akhir dengan keputusan 3-2 menewaskan Indonesia.

Tiga mata skuad wanita Malaysia disumbangkan menerusi gandingan beregu - Desiree Siow-Ng Qi Xuan, Yap Rui Chen-Teoh Lexuan dan perseorangan, Rui Chen.

Pencapaian emas acara berpasukan lelaki sekali gus menyaksikan Malaysia menebus kekalahan kepada Indonesia dalam aksi final

pada temasya edisi 2018 sementara pasukan wanita mempertahankan pingat emas mereka.

"Sebenarnya tak sangka boleh menang ketiga-tiga perseorangan lelaki sebab ada antara pemain terbabit mengalami kecederaan. Mungkin kita bernasib baik pada hari ini kemenangan berpihak kepada Malaysia.

"Secara keseluruhan, prestasi semuanya bersemangat untuk memperkuat pasukan dan sudah pastinya mahu menang," kata ketua jurulatih skuad badminton negara, Datuk Rashid Sidek.